

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1993/94

Jun 1994

**EMK 351 - Getaran Mekanik & Kawalan Automatik**

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat dan **TUJUH** soalan serta **SATU** lampiran yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. **TIGA** soalan dari Bahagian A dan **DUA** soalan dari Bahagian B.

Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam bahasa Melayu.

**Termasuk lampiran:**


1. "Laplace Transform Pairs"

...2/-

**BAHAGIAN A**

1. [a] Suatu jisim 25 kg adalah digantung pada hujung bawah spring dengan modulus 2 N/mm. Pada hujung atas spring pula disangkutkan kepada rasuk julur yang mempunyai ukuran 3 mm tebal, 20 mm lebar dan 250 mm panjang seperti ditunjukkan dalam Rajah S1[a]. Ambil nilai Modulus Young bagi keluli sebagai  $205 \text{ GN/m}^2$ . Nyatakan frikuensi tabii bagi pergerakan pemberat tersebut.


(40 markah)



Rajah S1[a]

- [b] Rajah S1[b] menunjukkan suatu elektromagnet berjisim 200 kg dan mengangkat 200 kg serpihan besi. Pemalar elastik adalah  $20 \text{ kN/m}$ . Nyatakan persamaan pergerakan magnet, apabila arus dimatikan dan serpihan itu terjatuh.

(30 markah)




Rajah S1[b]

- [c] Suatu jisim dilekatkan pada satu hujung rod yang boleh diabaikan beratnya, dipegang (pivot) pada jarak  $c$  daripada pemberat seperti ditunjukkan dalam Rajah S1[c]. Apakah frikuensi tabii bagi getaran bentuk amplitud pergerakan kecil bagi penyusunan pendulum menegak?

(30 markah)


...3/-



Rajah S1[c]

2. [a] Bar tegar dalam Rajah S2[a] adalah abaian berat dan dipegang pada pivot A.
- [i] Tulis persamaan pembezaan untuk pergerakan sistem tersebut.
  - [ii] Dapatkan ungkapan untuk pemalar penyerap kritikal dan frikuensi penyerapan bagi getaran dengan mengandaikan nisbah serapan  $\xi < 1$ .

(50 markah)




Rajah S2[a]

...4/-

- [b] Sebuah mesin pemotong boleh-ubah (portable shredder) seperti Rajah S2[b] digunakan untuk memotong potongan-potongan kayu dan ikatan ranting-ranting kayu yang mengandungi saiz 10 - 30 mm seikat. Pemotong dan trailer mempunyai jisim 200 kg. Tayar dan sistem sokongannya mempunyai pemalar elastik 460 N/mm. Nyatakan pergerakan menegak pemotong, jika mengenakan suatu daya menegak  $3 \sin \omega t$  kN dan frekuensi perangsang adalah 1200 ppm.

(50 markah)



Rajah S2[b]

3. [a] Bahagian berputar roda kanan hadapan kenderaan tahun 1993 mempunyai jisim 35 kg dan telah didapati tidak seimbang selepas pengukuran. Keseimbangan boleh diperbetulkan dengan memasang 150 g pemberat kepada rim roda yang berukuran 375 mm garispusat. Garispusat tayar adalah 700 mm. Spring kereta mempunyai modulus sebanyak 50 N/mm dan tayar mampu mempunyai modulus 600 N/mm sekiranya pembiasan tayar adalah kecil. Sekiranya pembetulan terhadap keseimbangan tidak dilakukan pada kelajuan, berapakah getaran resonan bagi roda akan berlaku? Berapakah sepatutnya amplitud pergerakan bagi kelajuan pada 130 km/h?

(60 markah)

- [b] Peralatan elektromekanik dipasang di atas satu set pengasing getah. Sistem ini menunjukkan nisbah amplitud resonan sebanyak 5. Melebihi nisbah frekuensi berapakah membolehkan pemindahan daya akan dikurangkan kepada satu perempat, sekiranya

- [i] redaman tidak diambil kira
- [ii] diandaikan redaman likat (viscous clamping)

(40 markah)

4. [a] Pacuan turbo-elektrik seperti Rajah S4[a] mempunyai ciri-ciri berikut:

Momen berkesan bagi inersia


$$I (\text{rotor turbin}) = 3500 \text{ kg.m}^2$$

$$I (\text{pinion turbin}) = 50 \text{ kg.m}^2$$

$$I (\text{gear penjana}) = 3000 \text{ kg.m}^2$$

$$I (\text{armature penjana}) = 5000 \text{ kg.m}^2$$

Modulus elastik bagi aci turbin adalah  $1.2 \times 10^6 \text{ N.m/rad}$ . Modulus elastik bagi aci penjana adalah  $2 \times 10^6 \text{ N.m/rad}$ . Kelajuan turbin 5400 ppm. Kelajuan penjana adalah 1800 ppm. Abaikan inersia aci dan nyatakan frekuensi tabii bersesuaian dengan satu dan dua mode bagi getaran.



(70 markah)

Rajah S4[a]

- [b] Sekiranya vibrometer digunakan untuk menentukan amplitud bagi getaran pada frekuensi sangat tinggi berbanding dengan frekuensi tabiinya, apakah sepatutnya nisbah  $\xi$  penyerapan sistem yang optimum untuk ketepatan yang maksimum?


(30 markah)

## BAHAGIAN B

5. [a] Rajah S5[a] menunjukkan sistem kawalan kelajuan elektrik. Masukan meterkeupayaan menyediakan rujukan voltan masukan  $E_r$  berkadar terus dengan kelajuan yang diperlukan  $N_{in}$ , iaitu  $E_r = K_r N_{in}$ . Voltan tunjukkan  $E_c$  adalah berkadar terus dengan kelajuan keluaran terkawal  $N_o$  yang disediakan oleh tachometer ( $E_c = K_c N_o$ ). Ralat  $E_r - E_c$  adalah diperbesarkan oleh penguat elektronik yang memberikan keluaran  $E_f = K_a (E_r - E_c)$ . Voltan  $E_f$  adalah digunakan kepada medan bagi medan-terkawal motor d.c. Tork yang dikenakan kepada aci oleh motor (tork sela-udara) adalah berkadar dengan medan arus, iaitu  $T = K_m I_a I_f$ . Arus angker (Armature Current), ia adalah stabil pada keadaan malar. Nyatakan gambarajah blok keseluruhan sistem kawalan laju bagi kes yang mempunyai tork bebanan mengandungi inersia  $J D^2 \theta = JDN_o$  dan tork luaran  $T_L$  (D mengambarkan perbezaan operator).


(60 markah)

...6/-



Rajah S5[a]


- [b] Jelaskan dengan bantuan lakaran dan gambarajah blok sistem kawalan berikut:
- [i] sistem kawalan bersepadu dan berkadar
  - [ii] sistem kawalan bersepadu bercampur berkadar
- (40 markah)
6. [a] Sistem jisim penyerap spring dalam Rajah S6[a] mewakili pengantungan (suspension) untuk sesuatu kenderaan yang mana B adalah penyerap kejutan (shock absorber), k adalah pekali spring dan m jisim kenderaan.
- [i] Bina gambaran kerusi bumi (grounded-chair). Nyatakan persamaan berkenaan daya harmonik f dan anjakan x, dan nyatakan persamaan berhubung dengan anjakan y dan x.
  - [ii] Bina litar elektrik yang mana analog terus dan tunjukkan di mana sepatutnya ammeter perlu diletakkan bagi memperolehi arus berkadar dengan halaju y bagi jisim.
- (60 markah)



Rajah S6[a]

- [b] Lengkuk operasi d.c. motor yang biasa adalah ditunjukkan dalam Rajah S6[b]. Lengkuk itu adalah tork  $T$  lawan laju operasi  $N$  untuk nilai pemalar voltan  $E$  yang digunakan kepada motor. Lengkuk adalah diplotkan bagi fungsi  $N = N(T, E)$ . Nyatakan persamaan untuk anggaran linear bagi  $N$ .

(40 markah)



Rajah S6[b]

...8/-

7. [a] Gunakan kriteria Routh's bagi menyatakan nombor punca yang digunakan dalam separuh-satah kanan (right half-plane) untuk ciri persamaan berikut:


$$s^5 + 4s^4 + 6s^3 + 24s^2 + 25s + 100 = 0$$

Di mana  $s$  adalah pembolehubah dalam kaedah perpindahan Laplace. Dapatkan punca yang secara simetrik terletak di origin.

(60 markah)

- [b] Nyatakan masa penaik  $t_r$ , masa puncak  $tp$ , 2 peratus masa penetapan  $t_s$ , dan peratus terlanjak sistem seperti dalam Rajah S7[b].

(40 markah)



Rajah S7[b]

$R(s)$  dan  $C(s)$  yang masing-masing mewakili masukan dan keluaran perpindahan Laplace Sistem.

oooOooo

## Laplace transform pairs

$f(t)$	$F(s)$	$f(t)$	$F(s)$
$u_1(t)$	1	$t^n e^{at}$	$\frac{n!}{(s - a)^{n+1}}$
$u(t)$	$\frac{1}{s}$	$\sin \omega t$	$\frac{\omega}{s^2 + \omega^2}$
$t$	$\frac{1}{s^2}$	$\cos \omega t$	$\frac{s}{s^2 + \omega^2}$
$e^{at}$	$\frac{1}{s - a}$	$e^{at} \sin \omega t$	$\frac{\omega}{(s - a)^2 + \omega^2}$
$t^n$	$\frac{n!}{s^{n+1}}$	$e^{at} \cos \omega t$	$\frac{s - a}{(s - a)^2 + \omega^2}$